

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN
[BATU]**

TARIKH : 27 FEBRUARI 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kos pengambilan lesen memandu Kelas (B) (B2) bagi kenderaan jenis motorsikal dan Kelas (D) (DA) bagi kenderaan jenis kereta telah berlaku peningkatan harga yang ketara. Apakah langkah proaktif Kementerian bagi memastikan harga syiling yang lebih mesra rakyat dapat dilaksanakan termasuk cara penguatkuasaan terhadap yuran memandu di setiap institusi memandu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menetapkan harga siling (atau harga maksimum) yang boleh dikenakan kepada calon bagi mendapatkan suatu permohonan lesen memandu mengikut kelas-kelas kenderaan motor. Kadar harga siling yang telah ditetapkan ini mengandungi elemen-elemen kos tetap yang perlu ditanggung oleh pihak Institut Memandu (IM) dan kadar fi perkhidmatan Kerajaan. Antara elemen kos tetap yang telah diambil kira di dalam kadar harga siling ini adalah fi pendaftaran, kadar sewaan ruang pejabat, sewaan kenderaan, bayaran kelas teori/praktikal, kos tenaga pengajar, bayaran ujian berkomputer, yuran perkhidmatan dan kos utiliti.
2. Bagi kelas kenderaan B (motosikal melebihi 500cc), harga siling adalah RM900. Bagi kelas kenderaan B2 (motosikal tidak melebihi 250cc), harga siling adalah RM350.00. Bagi kelas kenderaan D (motokar BTM tidak melebihi 3500kg) adalah RM1,150, dan bagi kelas kenderaan DA (motokar tanpa pedal klac BTM tidak melebihi 3500kg) adalah RM1,250.
3. Penetapan kadar siling (harga maksima) yang boleh dikenakan oleh Institut Memandu kepada calon adalah merupakan satu kaedah bagi mewujudkan satu persaingan yang sihat di kalangan IM untuk meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan mereka. Orang ramai seterusnya boleh membuat pilihan institut-institut memandu berdasarkan kualiti perkhidmatan yang disediakan dan menilai sendiri kadar fi yang akan dikenakan. Kadar siling yang ditetapkan telah mengambil kira kadar bersesuaian berdasarkan harga pasaran semasa, kadar-kadar fi perkhidmatan serta kos pengoperasian IM sendiri.
4. Namun begitu, sekiranya IM mengenakan caj tambahan atau di luar daripada elemen kos yang telah ditetapkan di bawah harga siling, maka pihak IM perlu menyatakan secara terperinci setiap elemen kos tambahan yang dikenakan kepada calon. Pihak IM juga perlu mendapatkan persetujuan calon ke atas caj tambahan yang dikenakan oleh pihak IM

bagi mengelakkan sebarang permasalahan antara kedua belah pihak. Secara umumnya, antara elemen atau pakej tambahan yang sering disediakan oleh IM termasuklah kemudahan pengangkutan dari rumah dan ke lokasi IM (pergi/balik), penyediaan makan minum sepanjang kursus dan bayaran latihan ulangan. Elemen kos tambahan sebegini yang kebiasaannya menjadikan harga bayaran terkumpul yang perlu dibayar oleh calon adalah melebihi daripada harga had siling. Namun, calon atau orang ramai adalah bebas sama ada memilih untuk melanggan dan mendapatkan perkhidmatan tambahan berkenaan atau sebaliknya.

5. JPJ juga sentiasa melaksanakan pemantauan melalui naziran dan Operasi Khas Institut Memandu (OKIM) ke atas IM di seluruh negara bagi memantau semua aspek pengoperasian oleh IM termasuk aspek kawalan ke atas kadar yuran yang dikenakan oleh pihak IM. Pihak JPJ akan mengambil tindakan ke atas mana-mana institut memandu yang gagal mematuhi kadar siling yang ditetapkan. Kerjasama orang ramai adalah diperlukan bagi membuat aduan di mana-mana pejabat JPJ sekiranya mereka dikenakan bayaran yang tinggi oleh pihak IM melebihi had siling (iaitu diluar daripada elemen kos yang telah dibenarkan) atau bagi elemen melibatkan perkhidmatan tambahan, telah dikenakan tanpa sebarang persetujuan awal oleh pihak calon.

6. Dalam hal ini, sekiranya JPJ menerima sebarang aduan daripada orang awam berhubung kadar yuran yang dikenakan oleh IM, pihak JPJ akan membuat siasatan dan sekiranya kesalahan tersebut didapati sahih serta terbukti, permit IM tersebut boleh digantung atau dibatalkan.

Sekian, terima kasih.